

CNS3531

UGB 25-10 00148 BA741

bah

MAHATHIR PUASHATI KAWALAN TUMPAHAN MINYAK LANGKAWI

Mahathir-Tumpahan

LANGKAWI, 25 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad puas hati atas langkah-langkah yang diambil bagi mengawal tumpahan minyak kapal Nagasaki Spirit di pantai Langkawi.

Katanya keadaan sepanjang pantai itu bersih dan tiada kesan minyak yang mencemarkan terdapat di perairan dan pantai pulau peranginap ini.

Bercakap kepada pemberita di lapangan terbang di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur hari ini, beliau memuji kakitangan Pejabat Daerah Langkawi dan pihak lain kerana berjaya membersihkan tumpahan minyak itu.

Ditanya sama ada persediaan khas diambil untuk mengelak peristiwa seperti itu berulang di Langkawi, Perdana Menteri berkata tidak ada persediaan seumpama itu dibuat kerana alat dan tenaga tidak mencukupi.

Katanya tumpahan minyak di perairan Langkawi bukan kerana mana-mana pihak lambat bertindak tetapi disebabkan kekurangan peralatan dan tenaga.
-- Lagi

▼25/10/15-14MST

CNS3532

UGB 25-10 00109 BA742

bah

Mahathir-Tumpahan 2 (Akhir) Langkawi

Dr Mahathir berkata langkah-langkah yang perlu dan mampu telahpun diambil oleh Jabatan Alam Sekitar untuk mengatasi masalah itu, termasuk menambah peralatan bagi mencegah pencemaran.

Tumpahan minyak itu berlaku kerana pelanggaran di antara kapal tangki minyak Nagasaki Spirit dan kapal kontena Ocean Blessing di Selat Melaka pada 20 Sept lepas.

Perdana Menteri juga berkata soal pekerja luar yang kurang mahir yang bekerja di Langkawi mendapat gaji lebih \$1,000 sebulan berbanding dengan penduduk tempatan, ialah atas usaha mereka.

Katanya penduduk Langkawi juga banyak yang senang dan mempunyai kereta sendiri hasil pembangunan pulau itu. -- Bernama

▼25/10/15-16MST